

ASNB nasihati pelabur tentang bahaya Macau Scam

KUALA LUMPUR - Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB), anak syarikat Permodalan Nasional Bhd. (PNB) menasihati para pelabur supaya sentiasa berwaspada serta tidak berkongsi maklumat peribadi dan pelaburan dengan pihak yang tidak dikenali.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin menasihati para pelabur supaya tidak melayan sebarang panggilan yang bertanyakan mengenai butiran pelaburan walaupun pemanggil mendakwa mereka adalah pegawai bank mahupun pegawai ASNB sendiri.

“Jika menerima sebarang panggilan yang mencurigakan, pelabur disarankan agar jangan mudah panik dan tidak membuat sebarang transaksi membatalkan pengeluaran Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau unit amanah ASNB yang lain,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Menurut Mohammad, sebagai pengurus unit amanah yang menguruskan lebih 229 bilion unit dalam edaran milik lebih 13.4 juta pemegang akaun, ASNB sentiasa komited melindungi wang pelabur dengan menggunakan sistem keselamatan terbaik.

“Namun, pelabur diminta untuk peka dan mengambil tahu tentang kewujudan sindiket seperti “Macau Scam”.

“Ini kerana ASNB tidak boleh membantu menggantikan wang pelaburan mereka sekiranya wang berkenaan dikeluarkan oleh pelabur sendiri setelah dipengaruhi sindiket tersebut,” ujarnya.

Antara modus operandi “Macau Scam” yang telah dikenal pasti adalah pemanggil mendakwa dirinya pegawai bank dan memaklumkan bahawa mangsa terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram dan dadah sebagai strategi memperdayakan mangsa.